

U B658 AAB
MAHATHIR - NELAYAN R R R

TUMPAT, 3 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERI JAMINAN BAHAWA USAHASAMA PENANGKAPAN IKAN LAUT DALAM ANTARA NELAYAN MALAYSIA DAN THAI TIDAK AKAN MENJEJASKAN PENDAPATAN NELAYAN PANTAI.

PERDANA MENTERI BERKATA USAHASAMA ITU ADALAH BAGI PENANGKAPAN IKAN TUNA UNTUK TUJUAN EKSPORT KERANA IKAN JENIS INI AMAT DIGEMARI OLEH ORANG EROPAH DAN JEPUN.

BERUCAP PADA MAJLIS SEMPENA LAWATAN KE KAWASAN PEMBANGUNAN SEMULA NELAYAN DI KAMPUNG GETING DEKAT SINI, BELIAU JUGA MEMBERI JAMINAN BAHAWA USAHASAMA ITU TIDAK BERMAKNA NELAYAN ASING DAPAT MENCEROBOH PERAIRAN NEGARA UNTUK MENANGKAP IKAN DAN MENGGANGGU NELAYAN TEMPATAN.

+BOT-BOT RONDAAN AKAN TERUS MENJALANKAN TUGAS RONDAAN DAN JIKA ADA BOT NELAYAN THAI YANG MASUK KE DALAM PERAIRAN NEGARA, KITA AKAN TERUS MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP MEREKA,+ KATANYA.

BELIAU BAGAIMANAPUN MENYARANKAN AGAR NELAYAN TEMPATAN MENUKAR CARA PENANGKAPAN IKAN DARIPADA TUMPUAN DI KAWASAN PANTAI KE LAUT DALAM YANG AKAN MENDATANGKAN HASIL TANGKAPAN YANG LEBIH BESAR DAN LUMAYAN. -- LAGI.

1252MST 03 10 87

U B663 AAB
MAHATHIR - NELAYAN 2 TUMPAT R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MEMPUNYAI RANCANGAN UNTUK MELATIH NELAYAN SEBAGAI PERSEDIAAN UNTUK MEREKA MENGUSAHAKAN PENANGKAPAN IKAN LAUT DALAM.

SEHUBUNGAN DENGAN ITU BELIAU MAHU MASYARAKAT NELAYAN MENYAMBUT BAIK RANCANGAN TERSEBUT YANG AKAN MENDEDAHKAN PARA NELAYAN KEPADA BOT-BOT YANG LEBIH BESAR SEHINGGA SEBERAT 1,000 TAN, YANG MODEN, LENGKAP DENGAN PENDINGIN HAWA DI KABIN DAN BOLEH BERADA DI LAUT SELAMA LEBIH 14 HARI.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA USAHA MENEROKA PENANGKAPAN IKAN LAUT DALAM PENTING KEPADA NEGARA DAN MASA DEPAN MASYARAKAT NELAYAN SENDIRI.

+IKAN DI LAUTAN KITA BIARLAH MEMBERI MANFAAT KEPADA KITA SEMUA DAN TIDAK KEPADA ORANG LAIN,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA, MUDAH BAGI ORANG RAMAI UNTUK MENCADANGKAN SUPAYA DI LAUTAN DALAM PUN JANGAN DIBENARKAN ORANG LAIN MENANGKAP IKAN TETAPI HAKIKATNYA NEGARA TIDAK MEMPUNYAI BOT RONDA YANG CUKUP UNTUK MERONDA LAUTAN LUAS.

KATANYA, RONDAAN YANG MENELAN BELANJA BESAR ITU HANYA AKAN MEMBERI MAKNA DAN MENDATANGKAN HASIL JIKA ADA NELAYAN NEGARA INI MENANGKAP IKAN DI LAUT DALAM DAN MEMBAWA PULANG HASIL YANG LUMAYAN.

-- LAGI.

1314MST 03 10 87

D109

U B667 AAB
MAHATHIR - NELAYAN 3 TUMPAT R R R

MENGENAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT NELAYAN DI KAWASAN PEMBANGUNAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MENGUMUMKAN BAHAWA KERAJAAN MELULUSKAN PERUNTUKAN LEBIH \$1 JUTA BAGI MENJALANKAN BEBERAPA PROJEK TERMASUK PERUMAHAN MURAH UNTUK NELAYAN, JETI DAN KAWASAN KHAS MEMPROSES IKAN KERING.

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI DAN ROMBONGAN DIBERI TAKLIMAT MENGENAI RANCANGAN PEMBANGUNAN DI KAWASAN ITU OLEH BEBERAPA ORANG-PEGAWAI KANAN BEBERAPA JABATAN BERKAITAN.

BELIAU TELAH MENGARAHKAN KERAJAAN NEGERI DAN JABATAN BERKAITAN MENGADAKAN PERBINCANGAN DENGAN MASYARAKAT DI SITU MENGENAI BENTUK PEMBANGUNAN YANG SESUAI DAN DAPAT DITERIMA OLEH MEREKA.

KATANYA, PENDUDUK BOLEH MENGEMUKAKAN PENDAPAT DAN PANDANGAN DAN JUGA HENDAKLAH BERSEDIA MENERIMA CADANGAN KERAJAAN BAGI MELAKSANAKAN USAHA PEMBANGUNAN DEMI MENCAPAI HASIL MAKSIMUM.

PERDANA MENTERI JUGA MENASIHATI PENDUDUK DI SITU AGAR MENGUBAH SIKAP DAN CARA HIDUP UNTUK MENYESUAIKANNYA DENGAN PEMBANGUNAN TERMASUKLAH DARI SEGI PENJAGAAN KEBERSIHAN DAN KESIHATAN SERTA MEMBUANG AMALAN-AMALAN YANG KURANG SIHAT. -- BERNAMA.

1327MST 03 10 87

D168

U B705 DEB
MAHATHIR - NELAYAN 4 TUMPAT (SAMBUNGAN BERITA TERDAHULU) R R R

SELEPAS ITU BELIAU MELAWAT KAMPUNG DALAM RHU DI SINI UNTUK MENINJAU TAPAK PROJEK PERUMAHAN MURAH UNTUK NELAYAN.

KETIKA MELAWAT KAMPUNG KEMASIN DI JAJAHAN BACHOK PULA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MASIH SANGGUP MEMBANTU NELAYAN WALAUPUN DALAM KEADAAN EKONOMI MELESET.

PERDANA MENTERI BERKATA ANTARA PROJEK YANG DIMAKSUDKAN IALAH BENTENG PEMECAH OMBAK DI KAMPUNG BERKENAAN UNTUK MENGURANGKAN MASALAH BANJIR YANG SERING DIHADAPI OLEH PENDUDUK.

PROJEK BERHARGA \$19 JUTA ITU DIJANGKA SIAP TAHUN DEPAN. -- BERNAMA.

1544MST 03 10 87